

Tiga cara tingkat pencapaian tenaga kerja

BH- 30/1/2007

Oleh Anwar Hussin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mengusulkan tiga cara bagi meningkatkan pencapaian tenaga kerja yang berkualiti termasuk menekankan kemahiran keusahawanan dalam semua peringkat pendidikan dan latihan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, usaha juga perlu dibuat bagi mengembangkan program pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan dan menambah nilai mereka menerusi penguasaan ilmu dan kemahiran secara berterusan.

"Ketiga, kerjasama lebih baik mesti digalakkan pada peringkat lebih tinggi antara industri dan institut pengajian tinggi," katanya ketika merasmikan majlis pecah tanah kampus Kolej Universiti Taylor's di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Pengerusi Kolej Universiti Taylor's, Tan Sri Dr Syed Jalauddin Syed Salim.

Beliau berkata, bagi membangunkan kemahiran keusahawanan, Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Pendidikan dan Latihan diwujudkan untuk memandu dasar dan strategi berkaitan dengan pendidikan dan latihan perindustrian.

"Ia akan meningkatkan kadar mereka yang boleh bekerja dalam kalangan lulusan universiti tempatan pada masa akan datang," katanya.

Mengenai usaha untuk meningkatkan program pembelajaran sepanjang hayat, Najib berkata penekanan perlu diberikan dalam usaha untuk meningkatkan sistem penyampaian latihan dan pendidikan.

Beliau berkata, mengenai usaha sa-

ma antara industri dan institusi pengajian tinggi, ia boleh dicapai menerusi pemberian geran penyelidikan kepada universiti untuk melaksanakan sebarang kajian projek industri.

Katanya, melabur dalam projek pe-

nyelidikan dan pembangunan untuk universiti adalah kaedah terbaik untuk meningkatkan kualiti produk industri di kebanyakan negara membangun.

"Kita juga mahu memberi peluang yang lebih baik kepada pelajar dalam memperoleh pendedahan lebih awal kepada persekitaran kerja menerusi latihan amali atau program bersangkutan. Saya difahamkan bahawa graduan Taylor's berkaliber tinggi dan ditawarkan peluang pekerjaan sebelum mereka menamatkan pengajian," katanya.

Najib berkata, sistem pendidikan yang baik serta pembukaan kolej seperti kampus Taylor's, dapat meningkatkan lagi matlamat negara untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan antarabangsa bagi menarik 100,000 pelajar asing menjelang 2010.

"Untuk kekal sebagai peserta kompetitif pada era moden ini serta merealisasikan status negara maju menjelang 2020, negara perlu memiliki tenaga kerja berpendidikan dan berkemahiran tinggi," katanya.

Najib berkata, kerajaan memperuntukkan RM40.3 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk meningkatkan kualiti pendidikan supaya setanding dengan amalan terbaik antarabangsa.

Sementara itu, pada sidang media, Najib berkata, kerajaan menggalakkan lebih banyak kolej swasta meningkatkan taraf mereka kepada status universiti.

"Mereka perlu ikut prosedur yang sama (yang ditetapkan oleh kerajaan) namun beberapa kolej boleh terus kekal seperti sedia ada dan menumpukan kepada kursus peringkat diploma berkualiti tinggi," katanya.

FAKTA NOMBOR

Agenda pendidikan

100,000

Pelajar asing menjelang 2010

RM40.3b

Tingkat kualiti pendidikan RMK-9